

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN :

Tuan Charles Anthony [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai pemilikan ekuiti India sejumlah 2.4 peratus. Siapakah yang memiliki pemilikan ekuiti ini. Apakah rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat 3.0 sebelum 2020.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti korporat kaum India adalah sebanyak 2.4% dengan nilai pegangan RM21.27 bilion pada tahun 2011. Kerajaan telah mensasarkan taraf ekonomi kaum India akan dapat dipertingkatkan dan mencapai pemilikan ekuiti sebanyak 3% dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Pengiraan pemilikan ekuiti dibuat dengan berasaskan laporan tahunan syarikat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Berasaskan maklumat tersebut maklumat-maklumat akan diklasifikasikan mengikut bangsa.

Kerajaan sentiasa komited dan berusaha menyediakan pelbagai perancangan dan program yang memberi faedah terus kepada masyarakat India secara berterusan. Antara langkah-langkah yang telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia ke-10 melalui beberapa program seperti berikut:

- (i) Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah menawarkan unit amanah saham kepada masyarakat India bagi meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India;

(ii) Program Pembangunan Keusahawanan Untuk Kaum India;

(a) **SPUMI**

SPUMI bermula pada tahun **2008** dengan matlamat untuk mempertingkatkan ekonomi masyarakat India program perniagaan dan keusahawanan. Sebanyak **RM177.36 juta** pinjaman telah disalurkan yang memberi faedah kepada **14,882 usahawan** India.

(b) ***Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)***

MIDF berperanan dalam membantu menyediakan pembiayaan kepada usahawan India. MIDF telah mula menyediakan pembiayaan kepada masyarakat India sejak tahun 2012. Jumlah pinjaman yang telah disalurkan adalah **79.47 juta** yang memberi faedah kepada **67 usahawan** IKS.

(c) **SME Bank**

SME menyediakan beberapa jenis dana pembiayaan bagi membantu usahawan kecil dan sederhana India. Skim pembiayaan Tabung Usahawan Siswazah mencatatkan nilai pinjaman terbesar iaitu **RM167.60 juta** yang memberi faedah kepada **99 usahawan**. Jumlah keseluruhan pembiayaan yang dikeluarkan oleh SME Bank berjumlah **RM194.20 juta**.

(iii) Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI).

PPSMI telah memberi peluang kepada **167,500** masyarakat India peluang untuk menyertai program latihan kemahiran, program latihan keusahawanan dan program pengukuhan pendidikan.

Dalam RMKe-11, tumpuan akan diberikan dalam meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan isi rumah B40 bagi memastikan kekayaan ekonomi dikongsi bersama. Dalam strategi yang telah dirangka adalah untuk meningkatkan pendapatan dan kekayaan yang seterusnya meningkatkan pegangan ekuiti melalui:

- (i) Mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar;
- (ii) Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran;
- (iii) Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden;
- (iv) Meningkatkan sokongan keusahawanan bersepadu; dan
- (v) Memperluaskan program pelaburan untuk meningkatkan pemilikan kekayaan melalui skim unit amanah dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT).

Sekian, terima kasih.